

PERIBAHASA (ITEM BERAYAT)**Latihan 5**

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Penjaga gol pasukan itu telah melepaskan beberapa gol dengan sengaja kerana dia telah makan suap.
 (1) ponteng kerja
 (2) menerima rasuah
 (3) suka memuji orang lain
 (4) makan semasa bekerja ()
2. Walaupun Doktor David Tan berkaki sebelah sahaja, dia tahan hati dan terus cuba mendaki gunung itu hingga ke puncaknya.
 (1) cekal (2) cekap
 (3) cepat (4) ceria ()
3. Zailan telah berjaya lulus universiti dan memulakan langkah untuk adik-adiknya belajar bersungguh-sungguh untuk mencontohinya.
 (1) banting tulang (2) mengorak langkah
 (3) perah otak (4) putih hati ()
4. Ibunya menasihati Shariff agar dia ubahkan sikapnya yang seperti pahat dengan penukul itu.
 (1) membuat kerja yang berat
 (2) suka membuat kerja ringan sahaja
 (3) tidak suka diperintah semasa bekerja
 (4) bekerja hanya apabila diperintah sahaja ()
5. Dahulu Jamal dan Dollah selalu bertengkar kini mereka sentiasa bantu-membantu antara satu sama lain.
 (1) seperti isi dengan kuku
 (2) seperti aur dengan tebing
 (3) seperti anjing dengan kucing
 (4) seperti dakwat dengan kertas ()

- 6 Puan Hamidah mahu tahan uji cincin berlian yang akan dibelinya itu.
- (1) diuji untuk harganya
 - (2) diuji untuk warnanya
 - (3) diuji untuk keasliannya
 - (4) diuji untuk kecantikannya
- ()
- 7 Tok Tambun yang sungguh bijak dan berhati-hati itu telah menjadi penghulu kampung itu selama dua puluh tahun.
- (1) panjang akal
 - (2) perah otak
 - (3) tahan hati
 - (4) tajam ingatan
- ()
- 8 Walaupun Sudin dan Raju berlainan bangsa dan agama, mereka sangat rapat perhubungan mereka.
- (1) seperti isi dengan kuku
 - (2) seperti aur dengan tebing
 - (3) seperti kertas dengan dakwat
 - (4) seperti pahat dengan penukul
- ()
- 9 Dengan tangan terbuka kami sedarjah menyambut teman sedarjah yang baru dari Indonesia itu.
- (1) menerima kedatangan seseorang dengan senyap
 - (2) menerima kedatangan seseorang dengan tepukan
 - (3) menerima kedatangan seseorang dengan gembira
 - (4) menerima kedatangan seseorang dengan senyuman
- ()
- 10 Akhirnya saya berjaya beli sebuah basikal baru setelah lama mengumpul wang saku kerana tahu betapa susahnyanya untuk cukupkan jika tekun lama-lama akan cukup juga.
- (1) air dicencang tiada putus
 - (2) seperti pahat dengan penukul
 - (3) bagai menghitung bulu kambing
 - (4) sehari selembat benang, lama-lama jadi kain
- ()